

Negara pengantara perlu adil

Um - 29/3/2007

Daripada OTHMAN MOHAMAD

RIYADH 28 Mac - Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi memberi amaran mana-mana negara atau kumpulan yang menjadi pengantara kepada masalah Palestin-Israel perlu bersikap adil kepada kedua-dua pihak, jika mahu melihat isu yang berlarutan itu dapat diatasi.

"Jika pengantara tidak berlaku adil, tidak akan ada jalan penyelesaian.

"Amerika Syarikat (AS), seperti yang kami anggap memainkan peranan penting selaku pengantara dalam mencari penyelesaian malangnya lebih memihak kepada Israel berbanding rakyat Palestin.

"Itulah persepsi, itulah yang kami lihat dan itulah apa yang kami percaya," tegas Abdullah ketika berucap pada pembukaan Sidang Kemuncak Liga Arab Ke-19 di sini hari ini.

Abdullah yang juga Pengerusi Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) yang perjuangannya turut mencakupi permasalahan yang dihadapi oleh Liga Arab termasuk kedamaian di rantau ini, berharap pertemuan dua hari ini yang memberi fokus kepada mencari perdamaian berkekalan di rantau ini, akan mencapai matlamatnya.

Kata beliau, negara-negara anggota OIC dan seluruh umat Islam, perlu memberi sokongan kepada usaha ke arah tersebut.

Beliau yang begitu berpengalaman terlibat secara langsung dalam isu-isu berkaitan - semasa menjadi Menteri Luar dan kini Perdana Menteri, semasa menerajui Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM) sebelum ini serta menerajui OIC, percaya semua itu belum memadai.

"Perpaduan sesama kita satu lagi cabaran yang perlu dicari," jelas beliau yang merupakan antara beberapa pemimpin di luar Liga Arab yang dijemput ke pertemuan kumpulan 22 negara anggota itu, selain Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Ban Ki-moon, Presiden Pakistan, Pervez Musharraf, Naib Presiden Indonesia, Jusuf Kalla dan Ketua Dasar Luar EU, Javier Solana.

Tegas beliau, semua anggota Liga Arab yang lebih memahami masalah Asia Barat serta seluruh anggota OIC, perlu sepakat dengan menyalurkan apa juga bantuan dan sokongan dalam menyelesaikan apa juga konflik dan masalah.

"Terdapat konflik tertentu yang melemahkan usaha kita dalam memastikan apa juga yang telah diputuskan dilaksanakan. Pada satu segi, wujud komitmen untuk melaksanakan apa juga objektif dan persetujuan bersama pertubuhan yang kita wakili. Konflik ini melemahkan perpaduan kita," kata beliau.

Beliau menegaskan, akibatnya mereka yang mengharap masalah diselesaikan akan kecewa dan mereka yang menderita akan terus merana.

Tegas Abdullah, persepsi mengenai perpaduan perlu dipertingkatkan.

Perkembangan menggembirakan di Palestin misalnya ekoran penubuhan kerajaan perpaduan di Palestin perlu diberi sokongan dari dalam dan masyarakat antarabangsa.



ABDULLAH Ahmad Badawi mengadakan pertemuan dengan Putera Raja Arab Saudi, Satam bin Abdul Aziz sebaik tiba di Riyadh lewat petang semalam untuk menghadiri pembukaan Sidang Kemuncak Liga Arab Ke-19.

- AFP

Di Iraq pula, kata beliau, terlalu banyak konflik puak berlaku.

"Ia perlu dihentikan segera jika tentera penceroboh meninggalkan bumi Iraq. Rakyat Iraq perlu bersatu dan saya percaya rakyat Iraq boleh mentadbir sendiri negara mereka dan itu semua perlu diperjuangkan di kalangan kita sendiri.

"Persoalannya ialah sama ada kita mahu atau tidak. Perpaduan akan membolehkan Iraq ditadbir sendiri oleh warga Iraq yang dipilih sendiri oleh rakyat Iraq," katanya.

Harapan yang sama diharap berlaku di Lebanon, kata Abdullah sambil menegaskan Liga Arab mahupun OIC serta rakyat negara-negara terbabit itu sendiri perlu memainkan peranan menyelesaikan masalah yang telah berlarutan sekian lama dan kini semakin besar.

Satu lagi perkara yang tidak boleh diketepikan ialah sokongan ekonomi kepada negara-negara terlibat selain pembangunan modal insan supaya pembangunan dapat disempurnakan.

Abdullah yakin, negara-negara lain akan juga memberi perhatian kepada soal pembangunan ekonomi dan modal insan di negara-negara berkenaan, seperti mana yang disalurkan oleh Malaysia.

Sementara itu, kesemua pemimpin 22 negara anggota

Liga Arab menghadiri sidang kemuncak ini yang dibuka oleh Raja Arab Saudi, Raja Abdullah Abdulaziz Al-Saud.

Mereka termasuk Presiden Syria, Bashar Al-Asad, Presiden Palestin, Mahmoud Abbas, Presiden UAE, Khalefah Zayed Al-Nahayan, Presiden Sudan, Omar Bashir dan Raja Bahrain, Hamad Al-Khalefah.

Pertemuan yang berlangsung di Pusat Persidangan King Abdul Aziz ini dijangka dapat mencapai kesepakatan berhubung strategi pelbagai hala bagi memulakan tindakan ke arah mencari perdamaian muktamad bagi rantau ini.

Keutamaan kali ini ialah menghidupkan kembali Inisiatif Damai yang dicapai di Beirut lima tahun lepas yang memberi penekanan kepada usaha perdamaian dunia Arab dengan Israel.

Semasa di sini, Perdana Menteri turut mengambil peluang mengadakan pertemuan dua hala dengan Raja Abdullah II dari Jordan dan Jusuf Kalla sebelum sidang kemuncak bermula.

Selepas sidang hari ini pula, Abdullah mengadakan pertemuan dengan Perdana Menteri Turki, Tayyip Erdogan.

Pertemuan dengan Raja Abdullah dan Perdana Menteri Turki lebih berkisar kepada soal perkembangan terkini di Asia Barat dan isu Palestin manakala dengan Jusuf bertumpu kepada isu-isu bersama.

- Utusan